

KOMPONEN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERKESAN GURU  
PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH RENDAH DI JOHOR

NAZIRAH BINTI HJ. HAMDAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KOMPONEN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERKESAN GURU  
PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH RENDAH DI JOHOR

NAZIRAH BINTI HJ. HAMDAN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan Ijazah  
Doktor Falsafah

Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

JULAI 2017

## DEDIKASI

*Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang  
 Ku panjatkan setinggi kesyukuran pada Mu Ya Allah  
 Atas segala nikmat kurniaan Mu yang Maha luas  
 Selawat dan salam ku titipkan buat Junjungan Besar Rasulullah SAW*

### *Ibunda dan Ayahanda Tercinta*

*Hjh. Azizan Abd. Aziz dan Hj. Hamdan Hj. Sulaiman  
 Sesungguhnya kalian berdua adalah nadi penguat azam dan semangatku  
 Segala perit jerih dan kepayahan dalam membesarkan dan mendidikku  
 pasti tidak akan terbalas hanya kalungan doa  
 yang dapat kutitipkan agar Allah SWT merahmati dan menyayangiimu  
 duhai ibunda dan ayahandaku..*

### *Kekanda dan Adinda*

*Kak Yati, Abg Naim, K. Dian, Ali, dan Zira  
 Jasa yang kalian hulurkan tidak mungkin akan kulupakan  
 Ketahuilah kalian bahawa ilmu Allah itu sangatlah luas  
 Moga kita terus bersama melangkah menuju redha Nya..*

### *Warga Pendidik*

*(Khusus buat PM Dr. Ajmain @ JImain Safar dan Dr. Kamarul Azmi Jasmi)  
 Segala ilmu yang kalian curahkan begitu besar nilainya  
 Hanya Allah SWT yang dapat membalasnya  
 Moga dengan berbekalkan ilmu dan tunjuk ajar kalian  
 menjadi bekal panduan buat diriku dalam menempuh  
 hari-hari mendatang dengan penuh keyakinan..*

### *Temannya Perjuangan*

*Ketahuilah sahabat-sahabat yang kusayang  
 Pasti tiap detik dan kenangan kita bersama  
 Menjadi momen-momen terindah dalam diari hidupku  
 Semoga perjuangan dan ukhuwah yang terjalin  
 Kekal mewangi hingga ke syurga..  
 Terima Kasih.*

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, lafaz yang ku panjatkan ke hadrat Allah SWT atas segala nikmat yang diberikan dan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Muhammad SAW kerana setelah pelbagai dugaan dan cabaran yang dilalui, tesis Doktor Falsafah ini dapat disiapkan dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ku kalungkan buat penyelia yang banyak membantu, PM. Dr. Ajmain @ Jimaain Safar dan Dr. Kamarul Azmi Jasmi. Pasti tanpa segala tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan kalian tesis ini tidak akan berjalan dengan baik.

Juga tidak dilupakan buat teman-teman rapat khususnya Noratiqah Mohd Sabri dan Fazlulaini Mohd Yunos yang sentiasa ada bersamaku di kala susah dan senang. Ketahuilah bahawa segala kata-kata nasihat, galakan, dan dorongan kalian di kala diri ini lemah adalah begitu bererti. Semoga ikatan ukhuwah yang telah terjalin ini kekal tersimpul rapi dan bersemi hingga ke negeri yang abadi.

Akhir kata, ucapan terima kasih yang tidak terhingga ku ucapkan kepada semua pihak samada yang banyak membantu samada secara langsung atau secara tidak langsung dalam menyempurnakan penulisan laporan akhir Ijazah Doktor Falsafah ini. Mudah-mudahan segala kebaikan yang dihulurkan dibalas dengan ganjaran yang berlipat kali ganda oleh yang Maha Pencipta. Daku turut mendoakan agar kejayaan menjadi milik kita semua bukan hanya kehidupan di dunia ini malahan dan di akhirat kelak, Insya Allah. *Jazakumullahu khairan jaza'*.

## ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran dalam subjek Pendidikan Islam yang diterapkan oleh guru Pendidikan Islam (GPI) mestilah menepati suatu standard piawaian yang berkualiti. Oleh kerana itu, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru Pendidikan Islam seharusnya menarik minat para pelajar. Kajian ini mensasarkan lima objektif, iaitu untuk mengkaji komponen PdP berkesan dalam kalangan GPI, elemen kualiti diri GPI ketika proses PdP, motivasi intrinsik dan ekstrinsik GPI, mengenal pasti sikap pelajar berkualiti ketika proses PdP di dalam kelas, dan membangunkan model komponen PdP berkesan guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Rendah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes. Kaedah pengumpulan data adalah melalui temu bual mendalam, pemerhatian, dan analisis dokumen. Seramai tujuh orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah menengah rendah, tujuh orang pentadbir GPI, 14 orang rakan guru, dan 14 orang pelajar telah dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian N'vivo 7 bagi pembinaan tema dan sub-sub tema. Hasil kajian mendapati sejumlah lapan elemen penting yang ditonjolkan dalam proses PdP Pendidikan Islam. Tiga elemen utama yang mendorong pembentukan GPI yang berkualiti ialah sahsiah keperibadian diri, ilmu dan pengamalan, serta aspek kemahiran. Selain itu, terdapat enam ciri yang menjadi pendorong motivasi intrinsik dan tujuh ciri motivasi ekstrinsik. Terdapat enam ciri sikap pelajar, iaitu beri kerjasama, minat terhadap pelajaran, mendengar kata, komitmen yang tinggi, membantu, dan menghormati. Dapatan utama kajian ini ialah pembangunan model komponen PdP berkesan guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Rendah yang terdiri daripada model sahsiah keperibadian unggul GPI, model ilmu dan pengamalan GPI, model kemahiran diri GPI, model motivasi GPI, dan model sikap pelajar muslim. Gabungan formulasi kelima-lima objektif tersebut menghasilkan tiga model dapatan baharu kajian, iaitu model ciri PdP berkesan di sekolah, kriteria GPI berkaliber, dan model pembentukan sahsiah pelajar cemerlang.

## ABSTRACT

Teaching and learning (T&L) in Islamic Education subject adopted by Islamic education teachers (GPI) must meet high quality standards. The process of T&L must be attractive in order to attract students' interest. This study focused on five objectives namely to examine the T&L components effectiveness among GPI, GPI's self-quality elements during T&L process, GPI intrinsic and extrinsic motivation, identify the attitude of good quality students during T&L in the classroom, and develop an effective T&L component model of lower secondary school Islamic education teacher. This is a qualitative case study that utilized various methods of data collection viz. in-depth interviews, observation and document analysis. A total of seven lower secondary schools Islamic education teachers, seven GPI administrators, 14 fellow teachers, and 14 students were selected by using purposive sampling. The findings were analyzed by using the N'vivo 7 software for the construction of the themes and sub-themes. Results indicated that there are eight key elements highlighted in the Islamic Education T&L process. The three major elements that encourage the formation of GPI's quality are personality, knowledge and practice, and skills aspects. In addition, there are six characteristics that inspire intrinsic motivation while there are seven characteristics for extrinsic motivation. For students, there are six good characteristics such as being cooperative, having interest in the lessons, obedient, high commitment, helpful, and respect. The main finding of this study is the development of the effective T&L components model for lower secondary school Islamic education teachers that consist of GPI eminent personalities model, GPI knowledge and practice model, GPI personal skills model, GPI motivation model, and model of Muslim students' attitudes. A combination of those five formulated objectives generates three new research findings, namely an effective model of the T&L in school, criteria of high caliber GPI and model of excellent students' character building.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
	<b>SENARAI TRANSLITERASI</b>	xxi
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxii
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah Kajian	3
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Batasan Kajian	11
	1.7 Kepentingan Kajian	12
	1.8 Kerangka Teori Kajian	13
	1.9 Definisi Istilah	16
	1.9.1 Komponen	17
	1.9.2 Pengajaran	17

1.9.3	Pembelajaran	18
1.9.4	Berkesan	18
1.9.5	Guru Pendidikan Islam	19
1.9.6	Sekolah Menengah Rendah	20
1.10	Penutup	21
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>22</b>
2.1	Pengenalan	22
2.2	Konsep Pengajaran dan Pembelajaran	22
2.2.1	Pendidikan Menurut Perspektif Al-Quran dan Sunnah	23
2.2.2	Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Dalam Pendidikan Islam	30
2.2.3	Teori dan Model Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan	32
2.3	Komponen Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan	40
2.3.1	Bentuk Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pendidikan Islam dalam Bilik Darjah	40
2.3.2	Elemen Kualiti Diri Guru Pendidikan Islam Ketika Proses Pengajaran dan Pembelajaran	45
2.3.3	Penghayatan Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik Guru Pendidikan Islam Ketika Proses Pengajaran	51
2.3.4	Sikap Pelajar Berkualiti Ketika Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	53
2.4	Kajian Lepas	55
2.5	Penutup	61



<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>62</b>
3.1	Pengenalan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	62
3.3	Lokasi Kajian	64
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	66
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	67
3.5.1	Pengumpulan Data Kualitatif	68
3.5.1.1	Pengumpulan Data Temu Bual	69
3.5.1.2	Prosedur Pemerhatian	73
3.5.1.3	Prosedur Analisis Dokumen dan Data Kualitatif	74
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Data Kualitatif	79
3.6.1	Kajian Rintis	81
3.6.2	Triangulasi Data	81
3.6.3	Diari dan Nota Lapangan	82
3.6.4	Pengesahan Data Temu Bual oleh Responden	83
3.6.5	Pengesahan Pakar dan Penilaian Pencapaian Pakar Melalui Cohen Kappa	84
3.7	Penutup	88
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>89</b>
4.1	Pengenalan	89
4.2	Latar Belakang Guru Pendidikan Islam	90
4.2.1	GPIS1	94
4.2.2	GPIS2	95
4.2.3	GPIS3	96
4.2.4	GPIS4	97
4.2.5	GPIS5	98
4.2.6	GPIS6	99
4.2.7	GPIS7	99

4.3	Dapatan Data Kajian Pelbagai Kes	100
4.3.1	Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pendidikan Islam dalam Bilik Darjah	101
4.3.1.1	Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran	102
4.3.1.2	Misi dan Visi Pengajaran dan Pembelajaran	104
4.3.1.3	Bahan Bantu Mengajar PdP	106
4.3.1.4	Tempat PdP	110
4.3.1.5	Pengurusan Awal Kelas	112
4.3.1.6	Perlaksanaan PdP	113
4.3.1.7	Metodologi PdP	117
4.3.1.8	Bentuk Penilaian	124
4.3.2	Elemen Kualiti Diri Guru Pendidikan Islam	128
4.3.2.1	Sahsiah Diri Guru Pendidikan Islam	128
4.3.2.2	Ilmu dan Pengamalan Guru Pendidikan Islam	145
4.3.2.3	Kemahiran Guru Pendidikan Islam	152
4.3.3	Motivasi Guru Pendidikan Islam	168
4.3.4	Sikap Pelajar	175
4.4	Penutup	179
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, DAN CADANGAN</b>	<b>180</b>
5.1	Pengenalan	180
5.2	Rumusan Kajian	180
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	183

5.3.1	Bentuk Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pendidikan Islam dalam Bilik Darjah	183
5.3.2	Elemen Kualiti Diri GPI Ketika Proses PdP	188
5.3.3	Penghayatan Motivasi Intrinsik Dan Motivasi Ekstrinsik Guru Pendidikan Islam Ketika Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	195
5.3.4	Sikap Pelajar Berkualiti Ketika Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	196
5.4	Implikasi Kajian	197
5.4.1	Implikasi kepada Teori dan Penghasilan Model daripada Pola Dapatan Kajian	197
5.4.2	Implikasi kepada Perkembangan Profesionalisme Perguruan dan Penemuan Ciri Baharu Kajian	206
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	210
5.7	Penutup	213
	<b>RUJUKAN</b>	<b>214</b>
	Lampiran A-H	245-259

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Bilangan Kes Disiplin Murid Mengikut Negeri Di Malaysia Tahun 2011 Dan 2012	5
1.2	Bilangan Kes Disiplin Murid Sekolah Menengah Dan Sekolah Rendah Di Malaysia Tahun 2012 Kementerian Pelajaran Malaysia	6
3.1	Inventori Protokol Temu Bual	72
3.2	Prosedur Analisis Dokumen	75
3.3	Contoh Borang Pengesahan Tema Oleh Pakar Bidang Pendidikan Islam	85
3.4	Senarai Panel Analisis Persetujuan Tema Data Kualitatif	86
4.1	Penggunaan Label dalam Petikan Data Tema	90
4.2	Perbandingan Latar Belakang GPI di S1-S7 dari Aspek Tahap Pendidikan, Tempoh, dan Sumbangan	91
4.3	Aspek-aspek Komponen PdP Berkesan	100
4.4	Aplikasi Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Guru Pendidikan Islam dalam Bilik Darjah	101
4.4.1	Persediaan PdP	102

4.4.2	Misi dan Visi dalam PdP	104
4.4.3	Bahan Bantu Mengajar	107
4.4.4	Penggunaan Tempat Ketika PdP	110
4.4.5	Pengurusan Awal Kelas Ketika PdP	112
4.4.6	Perlaksanaan PdP di dalam Kelas	114
4.4.7	Metodologi PdP	117
4.4.7.1	Pendekatan Metodologi PdP Berpusatkan Guru oleh GPI di S1-S7	118
4.4.7.2	Pendekatan Berpusatkan Pelajar	120
4.4.7.3	Pendekatan Berpusatkan Guru dan Pelajar	123
4.4.8	Bentuk Penilaian	124
4.4.8.1	Penilaian Formatif	124
4.5	Elemen Karakter Kepimpinan Berkualiti GPI	128
4.5.1	Hubungan GPI dengan Allah SWT di S1-S7	129
4.5.2	Hubungan GPI dengan Pelajar	133
4.5.3	Hubungan GPI dengan Rakan Sejawat dan Pihak Atasan di S1-S7	139
4.6	Ilmu dan Pengamalan Ilmu dalam Kalangan GPI di S1-S7	145
4.6.1	Pengamalan Ilmu (Amalan Wajib)	147
4.6.2	Pengamalan Ilmu (Amalan Sunat)	149
4.7	Aspek Kemahiran GPI di S1-S7	153
4.7.1	Kemahiran Interaksi	154
4.7.2	Kemahiran Kepimpinan	157
4.7.2.1	Kemahiran Pengurusan	158
4.7.3	Kemahiran Pengurusan Program	161
4.7.4	Kemahiran Seni	164
4.7.5	Kemahiran Penulisan	165
4.7.6	Kemahiran Bimbingan	165
4.8	Motivasi Intrinsik	168
4.9	Motivasi Ekstrinsik	171
4.10	Sikap Pelajar	176

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian (al-Ghazali t.th., Dunkin & Biddle, 1974, Maslow, 1954)	14
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	15
2.1	Model Kecemerlangan Imam al-Ghazali (t.th)	33
2.2	Model komponen utama merancang pembelajaran (Hamdan <i>et al.</i> , 2004)	34
2.3	Model Konseptual GPI yang Profesional	35
2.4	Model PdP Dunkin dan Biddle	36
2.5	Model Teras Pengetahuan Shulman	37
2.6	Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954)	38
2.7	Model Guru yang Berkualiti, Arnon (2009)	39
3.1	Proses Persampelan	66
3.2	Struktur Pengumpulan Data Kualitatif	69
3.3	Prosedur Temu Bual dan Pengumpulan Data	73
3.4	Prosedur Penganalisan Data Kualitatif	78
4.1	Pola Amalan PdP GPI di S1-S7	127
4.2	Pola Sifat Keperibadian GPI di S1-S7	144
4.3	Pola Ilmu dan Pengamalan GPI di S1-S7	152
4.4	Pola Kemahiran Diri GPI di S1-S7	167
4.5	Pola Motivasi Diri GPI di S1-S7	175
4.6	Pola Sifat Pelajar di S1-S7	178

5.1	Hubungan Antara Komponen Dan Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Pendidikan Islam	182
5.2	Model Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Guru Pendidikan Islam	199
5.3	Model Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Pendidikan Islam	201
5.4	Model Sahsiah Keperibadian Unggul GPI	202
5.5	Model Ilmu dan Pengamalan GPI	203
5.6	Model Kemahiran Diri GPI	204
5.7	Model Motivasi GPI	205
5.8	Model Sikap Pelajar Muslim	206
5.9	Model Ciri Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Di Sekolah	207
5.10	Model Kriteria GPI Berkaliber	208
5.11	Model Pembentukan Sahsiah Pelajar Cemerlang	209

**SENARAI SINGKATAN**

&	- dan
ADS1	- Analisis Dokumen Sekolah 1
ADS2	- Analisis Dokumen Sekolah 2
ADS3	- Analisis Dokumen Sekolah 3
ADS4	- Analisis Dokumen Sekolah 4
ADS5	- Analisis Dokumen Sekolah 5
ADS7	- Analisis Dokumen Sekolah 7
APD	- Alat pandang dan dengar
BBM	- Bahan bantu mengajar
Bil	- Bilangan
et. al	- ( <i>et. alia</i> ): and others
GPI	- Guru pendidikan Islam
GPI	- Guru Pendidikan Islam
GPIS1	- Guru Pendidikan Islam Sekolah 1
GPIS2	- Guru Pendidikan Islam Sekolah 2
GPIS3	- Guru Pendidikan Islam Sekolah 3
GPIS4	- Guru Pendidikan Islam Sekolah 4
GPIS5	- Guru Pendidikan Islam Sekolah 5
GPIS6	- Guru Pendidikan Islam Sekolah 6



GPIS7	-	Guru Pendidikan Islam Sekolah 7
ICT	-	<i>Information and Communication Technology</i>
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
KPLI	-	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
MBBMPDP-GPI	-	Model Bahan Bantu Mengajar Pengajaran Dan Pembelajaran – Guru Pendidikan Islam
MCPDPBS	-	Model Ciri Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan Di Sekolah
MCPSPC	-	Model Ciri Pembentukan Sahsiah Pelajar Cemerlang
MEKSTRGPI	-	Model Ekstrinsik Guru Pendidikan Islam
MHBGA-GPI	-	Model Hubungan Dengan Allah – Guru Pendidikan Islam
MHBGP-GPI	-	Model Hubungan Dengan Pelajar- Guru Pendidikan Islam
MHBGRA-GPI	-	Model Hubungan Dengan Rakan Sejawat Dan Atasan – Guru Pendidikan Islam
MICTGPI	-	Model ICT Guru Pendidikan Islam
MINTRGPI	-	Model Interaksi Guru Pendidikan Islam
MINTRGPI	-	Model Intrinsik Guru Pendidikan Islam
MIPGPI	-	Model Ilmu Dan Pengamalan Guru Pendidikan Islam
MKMHGPI	-	Model Kemahiran Diri Guru Pendidikan Islam
MKNSGPI	-	Model Kaunseling Guru Pendidikan Islam
MKPPIGPI	-	Model Kepimpinan Guru Pendidikan Islam
MKRIGPIB	-	Model Kriteria Guru Pendidikan Islam Berkaliber
MMMIGPI	-	Model Mendalami Dan Menguasai Ilmu Guru Pendidikan Islam
MMOTGPI	-	Model Motivasi Guru Pendidikan Islam

MMTDPDP-GPI	-	Model Metodologi Pengajaran Dan Pembelajaran – Guru Pendidikan Islam
MMVIPDP-GPI	-	Model Misi Dan Visi Pengajaran Dan Pembelajaran – Guru Pendidikan Islam
MPGKPDP-GPI	-	Model Pengurusan Kelas Pengajaran Dan Pembelajaran – Guru Pendidikan Islam
MPGMIGPI	-	Model Pengamalan Ilmu Guru Pendidikan Islam
MPLKPDP-GPI	-	Model Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran – Guru Pendidikan Islam
MPLKSIGPI	-	Model Pelaksanaan Ilmu Guru Pendidikan Islam
MPNLDPDP-GPI	-	Model Penilaian Pengajaran Dan Pembelajaran – Guru Pendidikan Islam
MPNLSGPI	-	Model Penulisan Guru Pendidikan Islam
MPRSPDP-GPI	-	Model Persediaan Pengajaran Dan Pembelajaran – Guru Pendidikan Islam
MSKPPM	-	Model Sikap Pelajar Muslim
MSKPUGPI	-	Model Sahsiah Keperibadian Unggul Guru Pendidikan Islam
MSNIGPI	-	Model Seni Guru Pendidikan Islam
MTEMPDP-GPI	-	Model Tempat Pengajaran Dan Pembelajaran – Guru Pendidikan Islam
OS1	-	Pemerhatian Sekolah 1
OS2	-	Pemerhatian Sekolah 2
OS3	-	Pemerhatian Sekolah 3
OS4	-	Pemerhatian Sekolah 4
OS5	-	Pemerhatian Sekolah 5
OS6	-	Pemerhatian Sekolah 6
OS7	-	Pemerhatian Sekolah 7
P1GPI	-	Pelajar 1 Guru Pendidikan Islam
P1GPIS1	-	Pelajar 1 Guru Pendidikan Islam Sekolah 1

P1GPIS2	-	Pelajar 1 Guru Pendidikan Islam Sekolah 2
P1GPIS3	-	Pelajar 1 Guru Pendidikan Islam Sekolah 3
P1GPIS4	-	Pelajar 1 Guru Pendidikan Islam Sekolah 4
P1GPIS5	-	Pelajar 1 Guru Pendidikan Islam Sekolah 5
P1GPIS6	-	Pelajar 1 Guru Pendidikan Islam Sekolah 6
P1GPIS7	-	Pelajar 1 Guru Pendidikan Islam Sekolah 7
P2GPI	-	Pelajar 2 Guru Pendidikan Islam
P2GPIS1	-	Pelajar 2 Guru Pendidikan Islam Sekolah 1
P2GPIS2	-	Pelajar 2 Guru Pendidikan Islam Sekolah 2
P2GPIS3	-	Pelajar 2 Guru Pendidikan Islam Sekolah 3
P2GPIS4	-	Pelajar 2 Guru Pendidikan Islam Sekolah 4
P2GPIS5	-	Pelajar 2 Guru Pendidikan Islam Sekolah 5
P2GPIS6	-	Pelajar 2 Guru Pendidikan Islam Sekolah 6
P2GPIS7	-	Pelajar 2 Guru Pendidikan Islam Sekolah 7
PAGPI	-	Pihak Atasan Guru Pendidikan Islam
PAGPIS1	-	Pihak Atasan Guru Pendidikan Islam Sekolah 1
PAGPIS2	-	Pihak Atasan Guru Pendidikan Islam Sekolah 2
PAGPIS3	-	Pihak Atasan Guru Pendidikan Islam Sekolah 3
PAGPIS4	-	Pihak Atasan Guru Pendidikan Islam Sekolah 4
PAGPIS5	-	Pihak Atasan Guru Pendidikan Islam Sekolah 5
PAGPIS6	-	Pihak Atasan Guru Pendidikan Islam Sekolah 6
PAGPIS7	-	Pihak Atasan Guru Pendidikan Islam Sekolah 7
PdP	-	Pengajaran dan pembelajaran
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
R1GPI	-	Rakan 1 Guru Pendidikan Islam
R1GPIS1	-	Rakan 1 Guru Pendidikan Islam Sekolah 1
R1GPIS2	-	Rakan 1 Guru Pendidikan Islam Sekolah 2
R1GPIS3	-	Rakan 1 Guru Pendidikan Islam Sekolah 3

R1GPIS4	- Rakan 1 Guru Pendidikan Islam Sekolah 4
R1GPIS5	- Rakan 1 Guru Pendidikan Islam Sekolah 5
R1GPIS6	- Rakan 1 Guru Pendidikan Islam Sekolah 6
R1GPIS7	- Rakan 1 Guru Pendidikan Islam Sekolah 7
R2GPI	- Rakan 2 Guru Pendidikan Islam
R2GPIS1	- Rakan 2 Guru Pendidikan Islam Sekolah 1
R2GPIS2	- Rakan 2 Guru Pendidikan Islam Sekolah 2
R2GPIS3	- Rakan 2 Guru Pendidikan Islam Sekolah 3
R2GPIS4	- Rakan 2 Guru Pendidikan Islam Sekolah 4
R2GPIS5	- Rakan 2 Guru Pendidikan Islam Sekolah 5
R2GPIS6	- Rakan 2 Guru Pendidikan Islam Sekolah 6
R2GPIS7	- Rakan 2 Guru Pendidikan Islam Sekolah 7
SAW	- Sollaallahu ‘alaihi wasallam
SMA	- Sijil Menengah Agama
STAM	- Sijil Tinggi Agama Malaysia
SWT	- Subhanahu Wa Ta’ala

## SENARAI TRANSLITERASI

### Transliterasi Huruf Konsonan Arab:

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ء ، ا	'A	ض	Ḍ
ب	B	ط	Ṭ
ت	T	ظ	Ẓ
ث	Th	ع	'
ج	J	غ	Gh
ح	Ḥ	ف	F
خ	Kh	ق	Q
د	D	ك	K
ذ	Dh	ل	L
ر	R	م	M
ز	Z	ن	N
س	S	هـ	H
ش	Sh	و	W
ص	Ṣ	ي	Y

### Transliterasi Huruf Vocal Arab:

Panjang		Pendek		Diftong	
Arab	Rumi	Arab	Rumi	Arab	Rumi
آ	ā	أ	a	أُو	aw
أُو	ū	أُ	u	أَيُّ	ay
إِي	ī	إِ	i		

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Set Inventori Protokol Temu Bual	245
B	Surat Lantikan Pakar	247
C	Surat Pengesahan Pelajar	248
D	Persetujuan Pakar Terhadap Konstrak Inventori Temu Bual	249
E	Pengesahan Pakar Terhadap Tema Kajian	251
F	Nota Lapangan Dan Diari	256
G	Jadual Matrik	257
H	Definisi Operasional	258

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pendidikan adalah tunjang bagi kemajuan dan pembangunan sesebuah negara dalam melahirkan golongan cerdik pandai dan profesional dari pelbagai bidang di samping mengekalkan kualiti kehidupan yang lebih terjamin (Salleh, 2007; Muhamad Sidek, 2007; Mohd Arif *et al.*, 2007; Affizal, 2008; Baharom *et al.*, 2008; Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010; Mohd Faez & Kamarul Azmi, 2011; Mior Khairul Azrin, 2011; Zakaria *et al.*, 2012; Asmawati, Mohd. Rezduan, *et al.*, 2014). Justeru, setiap negara mempunyai falsafah pendidikan yang bersesuaian dengan suasana setempat, matlamat yang ingin dicapai, serta pelaksanaan yang terperinci. Hal ini bagi memastikan setiap warga mendapat pendidikan yang sewajarnya di samping memenuhi permintaan terhadap tenaga kerja profesional sama ada dari sektor awam mahupun swasta (Mior Khairul Azrin, 2011).

Hal ini selaras dengan pendapat yang dikemukakan oleh Rosnani (2013a), fungsi pendidikan dapat dibahagikan kepada dua, iaitu yang pertama untuk individu dan kedua adalah untuk masyarakat. Menurutnya, pendidikan diperlukan dalam aspek perkembangan intelek, jasmani, rohani, dan akhlak. Selain itu, ia adalah mekanisme bagi menyalurkan nilai, budaya, kemahiran dan ideologi tertentu. Hal ini bertepatan dengan ajaran Islam itu sendiri yang meliputi segala nas daripada al-Quran dan hadis

yang merangkumi setiap aspek kehidupan seperti akidah, ibadah, akhlak, kepimpinan, sikap positif, dan cintakan ilmu (Mohamed Nor *et al.*, 1999; Muhammad Salih, 1983; I. Rohani & Khadijah, 2011; Zakaria *et al.*, 2012)

Selain itu, pendidikan juga dilihat sebagai saluran utama yang boleh dijadikan mekanisme bagi memupuk budaya berfikir yang kritis dalam kalangan masyarakat (Mohamed Nor *et al.*, 1999; Mohd Fauzi, 2005). Oleh yang demikian, adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pendidikan adalah suatu proses yang memberikan impak dalam kehidupan manusia kerana melalui pendidikan yang utuh dan baik akan dapat melahirkan bangsa yang kuat dan mulia di sisi Allah SWT (Zanaton & Rohana, 2005).

Maka dari itu tidak hairanlah mengapa Pendidikan Islam menjadi salah satu subjek teras yang terkandung dalam sistem pendidikan negara sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun menengah (Mohd Aliff *et al.*, 2011). Sehubungan itu, subjek ini wajib dipelajari oleh setiap pelajar yang beragama Islam (Rosadah, 2005; Mohd Aderi & Khadijah, 2005; Bahroini & Aminuddin, 2012). Oleh itu, penekanan harus diberi dalam aspek pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam agar para pelajar muslim dapat memahami serta mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian mereka. Perkara ini perlu ditekankan kerana menurut Imam al-Qardhawi (1980) bahawa tujuan akhir Pendidikan Islam ialah untuk menyempurnakan akhlak dalam diri seseorang muslim.

Sehubungan dari itu setiap pihak khususnya para guru Pendidikan Islam (GPI) perlu memainkan peranan penting untuk mencapai misi dan visi sebagaimana yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Islam. Maka, setiap GPI perlu memantapkan diri dengan meningkatkan kemahiran, ilmu pengetahuan, dan menguasai teknik-teknik pengajaran agar pembelajaran menepati misi dan visi yang telah ditentukan.

Oleh yang demikian, pengkaji akan memfokuskan kepada bagaimana bentuk pengajaran dan pembelajaran GPI yang terpilih serta meneliti dan mengkaji apakah wujudnya ciri-ciri komponen yang membantu ke arah keberkesanan dalam sesebuah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. Pengkaji



berpendapat hal ini perlu ditekankan kerana ajaran Islam ini dapat dipraktikkan sepanjang hayat.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Pendidikan adalah tunjang utama dan keperluan dalam sesebuah negara untuk membentuk sebuah masyarakat yang berilmu pengetahuan. Sejajar itu, pihak kerajaan telah memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan dasar pendidikan terlaksana dan seragam di seluruh negeri di Malaysia. Walaupun sekolah-sekolah telah wujud sejak dari zaman sebelum merdeka, namun pada hari ini tahap pendidikan di Malaysia telah mencapai piawai sebagaimana yang telah termaktub dalam dasar pendidikan negara.

Oleh itu, institusi pendidikan merupakan instrumen penting dalam pembentukan masa depan negara (Zakaria *et al.*, 2012; Abu Zarrin, 2013; Asmawati, Mohd Rezduan, *et al.*, 2014). Melalui sistem persekolahan yang ada para pelajar diberi penekanan untuk membina intelek, jasmani, akal fikiran, spiritual dan moral, dan juga perkembangan sosial yang lebih baik (Hassan, 2003; Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007; Nik Rosila, 2007). Sehubungan itu, Pendidikan Islam dijadikan sebagai salah satu subjek teras bagi pelajar Islam (Rosadah, 2005; Fathiyah *et al.*, 2013) agar nilai moral dan Islam dapat diterapkan dalam kehidupan mereka. Hal ini selaras dengan falsafah Pendidikan Islam iaitu:

“Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”

(KPM, 2012a)

Setiap guru khususnya guru Pendidikan Islam (GPI) yang terlibat dalam institusi pendidikan pada hakikatnya menggalas tugas dan amanah yang berat serta

mencabar untuk mendidik dan membentuk sahsiah pelajar (al-Qardhawi, 1980; Ab.Halim & Mohamad Khairul, 2010; Muhammad Nurfaahmi *et al.*, 2011; Fathiyah *et al.*, 2013). Namun, tanggungjawab yang digalas oleh golongan GPI untuk membentuk sikap dan keperibadian pelajar yang berteraskan al-Quran dan sunnah bukanlah suatu perkara yang mudah. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam perlu diberi perhatian serius oleh setiap GPI untuk merealisasikan misi dan visi pendidikan Islam.

Hal ini kerana sekiranya sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam gagal mencapai objektif yang sebagaimana yang ditetapkan, ia turut memberi impak negatif terhadap akhlak pelajar. Keadaan ini menjadi salah satu punca bagi kepada para pelajar tidak dapat menerapkan ajaran dan nilai Islam dalam kehidupan seharian mereka. Pernyataan ini terbukti melalui peningkatan kadar peratusan pelajar yang terlibat dalam masalah disiplin yang di laporkan meningkat di kebanyakan negeri di semenanjung Malaysia pada tahun 2012 sebagaimana yang tertera dalam Jadual 1.1 di bawah.

**Jadual 1.1:** Bilangan Kes Disiplin Murid Mengikut Negeri di Malaysia Tahun 2011 dan 2012

Bil	Negeri	2011		2012	
		Bil. Murid Terlibat	Peratusan	Bil. Murid Terlibat	Peratusan
1	Perlis	759	1.48	747	1.55
2	Kedah	7179	1.66	10054	2.47
3	Pulau Pinang	6189	2.25	3777	1.44
4	Perak	12863	2.74	11752	2.14
5	Selangor	11854	1.27	18188	1.98
6	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	9193	3.70	6058	2.51
7	Negeri Sembilan	5109	2.44	4339	2.09
8	Melaka	4093	2.49	5356	3.39
9	Johor	11689	1.80	12219	1.97
10	Pahang	8687	3.06	4133	1.52
11	Terengganu	7630	3.21	3859	1.59
12	Kelantan	5369	1.40	2669	0.75
13	Sarawak	7479	1.50	11412	2.37
14	Sabah	11234	2.25	12088	2.52
15	Wilayah Persekutuan Labuan	683	4.53	475	3.28
16	Wilayah Persekutuan Putrajaya	208	1.26	65	0.41

**Sumber:** Sektor Pembangunan Kemanusiaan, Unit Hal Ehwal Murid Jabatan Pelajaran Negeri Johor, 2013.

Rentetan dari itu, timbul pelbagai bentuk gejala disiplin yang melibatkan pelajar sekolah (rujuk Jadual 1.2) seperti kesalahan yang berunsur jenayah, kelucahan, kurang kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan, laku musnah, ponteng sekolah, kenakalan, buli, dan merokok (Che Noraini, 2005; Ajmain & Abd. Halim, 2011; Ab Halim & Mohd Aderi, 2012; Abd. Halim, 2013; Mohd Noor *et al.*, 2013).

**Jadual 1.2:** Bilangan Kes Disiplin Murid Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah di Malaysia tahun 2012 Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bil.	Jenis Kesalahan Tingkah Laku Jenayah	Sekolah Rendah		Sekolah Menengah		Jumlah Murid Terlibat	%	% drpd Enrol Nasional
		Bil. Murid Terlibat	%	Bil. Murid Terlibat	%			
1	Berunsur Jenayah	5971	20.70	8350	10.66	14321	13.36	0.27
2	Berunsur Kelucahan	1064	3.69	2714	3.46	3778	3.52	0.07
3	Kekemasan Diri	3082	10.69	10844	13.84	13926	12.99	0.26
4	Tidak Pentingkan Masa	2225	7.71	8178	10.44	10403	9.71	0.20
5	Kurang Sopan	3794	13.15	11613	14.82	15407	14.37	0.29
6	Laku Musnah	1717	5.95	1913	2.44	3630	3.39	0.07
7	Ponteng Sekolah	5935	20.58	11408	14.56	17343	16.18	0.33
8	Kenakalan	2114	7.33	7812	9.97	9926	9.26	0.19
9	Buli	2005	6.95	2154	2.75	4159	3.88	0.08
10	Rokok	936	3.25	13362	17.05	14298	13.34	0.27
Jumlah		28843	100	78348	100	107191	100	2.03

**Sumber:** Sektor Pembangunan Kemanusiaan, Unit Hal Ehwal Murid Jabatan Pelajaran Negeri Johor, 2013.

Jadual 1.2 di atas jelas menunjukkan tahap disiplin dan akhlak pelajar semakin membimbangkan (Syed Abdurahman, 2005; Jamal Safri *et al.*, 2010; Ajmain & Abd. Halim, 2011; Lukman Hakimi, 2014). Hal ini berlaku kerana, kesan daripada kurangnya pendedahan agama (Aishah & Latifah, 2013). Abdullah Nashih Ulwan (1996) menyatakan jika seseorang muslim tidak berpegang dengan akidah Islam yang sebenar serta jauh daripada Allah SWT, mereka akan mudah terjebak dalam hal seperti kesesatan, kemaksiatan, dan mengikut hawa nafsu yang negatif. Oleh itu, data yang telah direkodkan ini menggambarkan krisis permasalahan disiplin pelajar tidak boleh dipandang ringan. Selain itu, Ee Ah Meng (2003) dalam kajiannya menyatakan punca-punca berlaku masalah disiplin pelajar iaitu, diri pelajar, kaedah serta bahan pengajaran yang tidak sesuai, keadaan fizikal bilik darjah, suasana sosioekonomi yang kurang sihat, kesihatan pelajar, kualiti guru, persekitaran sekolah, keluarga, dan rakan sebaya.

Oleh kerana itu, semua pihak seharusnya menggembelng tenaga bersatu padu dalam usaha menangani serta memperbaiki akhlak dan disiplin para pelajar. Sehubungan dari itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji serta meneroka apakah komponen yang perlu ada dalam pembentukan amalan pengajaran dan pembelajaran

guru pendidikan Islam yang berkesan di sekolah menengah. Hal ini kerana, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang berkesan penting untuk merealisasikan falsafah, misi dan visi pendidikan Islam.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Peredaran zaman dan perkembangan teknologi yang kian pesat hari ini turut memberi impak dalam institusi pendidikan. Dalam usaha memperkukuh dan memperkemaskan sistem pendidikan kebangsaan, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah merangka satu pelan pendidikan iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Tujuan utama pelan ini adalah untuk menggariskan strategi dan inisiatif untuk meningkatkan lagi kualiti sistem pendidikan. Hal ini kerana, pengajaran yang berkualiti merupakan wahana yang paling berkesan untuk mentransformasikan pendidikan rendah dan menengah seterusnya meningkatkan keberhasilan pelajar (Sharifah Nor & Kamarul Azman, 2011; KPM, 2013; Noor Erna & Leong, 2013).

Walaupun pelbagai program dan kursus yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia namun, golongan guru khususnya GPI masih dibelenggu dengan pelbagai kelemahan seperti pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkualiti kesan daripada kurangnya penguasaan ilmu pedagogi pendidikan (Nor Aishah & Yap, 2002; Nur Hanani *et al.*, 2013a; Anuar & Jingga, 2015; Nik Azis & Roshara'madan, 2015). Kajian Syed Najmuddin *et al.* (2009) mendapati bahawa kekangan masa menjadi faktor utama bagi GPI untuk membaca dan seterusnya mendalami serta menguasai ilmu. Pengkaji berpandangan setiap GPI seharusnya tidak menjadikan kekangan masa sebagai salah satu alasan untuk tidak mendalami ilmu dan perlu bijak dalam membahagikan masa. Hal ini kerana, GPI perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan di samping kemahiran agar dapat menjadi contoh kepada pelajar (Ahmad Yunus & Ab Halim, 2010; Asmawati, Mohd. Rezduan, *et al.*, 2014).

Oleh yang demikian, sekiranya hal ini berterusan golongan GPI akan dipandang rendah oleh warga pendidikan yang lain. Hal ini perlu dielakkan daripada terjadi kerana GPI sewajarnya menjadi *role-model* atau *qudwah hasanah* (Kamarul Azmi, Ab.Halim, *et al.*, 2009; Noornajihan & Ab Halim, 2013; Asmawati, Mohd. Rezduan, *et al.*, 2014; Muhammad Iqbal *et al.*, 2014b; Noraini *et al.*, 2014) bukan hanya kepada warga sekolah malahan juga kepada masyarakat setempat. Oleh itu, masalah dan kelemahan GPI wajar diberi perhatian yang serius agar dapat ditangani.

Namun begitu, beberapa kajian telah dilakukan dan hasilnya menunjukkan bahawa masih terdapat banyak masalah dan kelemahan yang melibatkan golongan GPI. Antara contohnya, hasil kajian yang menunjukkan bahawa bebanan dan lambakan tugas guru pada hari ini menjadi salah satu faktor guru tidak membuat persediaan awal sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas (Muhammad Nurfaahmi *et al.*, 2011), dan kurang komitmen dan dedikasi terhadap tugas mereka (Syed Najmuddin *et al.*, 2009). Secara tidak langsung keadaan ini akan menyebabkan guru hanya sekadar menyampaikan isi pengajaran sebagaimana yang terkandung di dalam buku teks semata-mata.

Kesannya, ia turut mempengaruhi kepada kurangnya penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Siti Fatimah & Ab Halim, 2010; Kamarul Azmi, Mohd Faez, *et al.*, 2011; Mohd Faez *et al.*, 2013a). Hal ini turut menyumbang kepada PdP Pendidikan Islam kurang berkesan di samping bilangan pelajar yang ramai dalam satu kelas, bilik guru yang kurang selesa, dan kurang menguasai bahasa Arab. Selain itu ia memberi impak yang negatif kerana GPI gagal untuk menarik minat dan memotivasikan pelajar (Maimun & Roslan, 2005b; Che Noraini, 2005; Robiah & Nor Sakinah, 2007; Syed Najmuddin *et al.*, 2009; Kamarul Azmi, 2010a)

Proses pengajaran dalam bilik darjah juga dikatakan kurang berkesan ekoran daripada guru kurang menguasai kemahiran lisan dan *soft skill* (Abd. Halim, 2013). Masih terdapat guru yang tidak lancar dalam menyampaikan isi pelajaran seperti masalah intonasi suara yang mendatar, sukar menjelaskan sebutan yang betul, dan ekspresi muka yang statik (Maimun & Roslan, 2005a; Nor Shafrin *et al.*, 2009; Abd.

Halim, 2013). Hal ini secara tidak langsung menyebabkan pelajar kurang memberi tumpuan di dalam kelas, dan sekali gus tidak minat terhadap subjek pendidikan Islam.

Pendidikan Islam merupakan salah satu di antara subjek teras dalam kurikulum pendidikan negara (Zawawi, 1996; Lukman Hakimi, 2014). Melalui subjek ini, para pelajar diajar segala hal yang berkaitan dengan akidah Islamiah, ibadah, sirah nabawi, dan akhlak-akhlak yang baik. Namun begitu berdasarkan kepada statistik yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2 di atas masalah sosial yang melibatkan pelajar amat membimbangkan. Justeru timbul persoalan adakah permasalahan sosial ini berkait-rapat dengan masalah pengajaran dan pembelajaran GPI di sekolah. Hal ini kerana, pada pandangan pengkaji terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi oleh GPI bagi membentuk sahsiah pelajar yang lebih baik. Maka, GPI berperanan penting dalam menyampaikan ilmu Islam agar isi pengajaran tersebut dapat difahami serta diaplikasikan oleh para pelajar. Rentetan dari itu, pengajaran dan pembelajaran GPI seharusnya lebih kreatif dan menarik.

Sehubungan dari itu, pengkaji berpandangan satu kajian terperinci adalah perlu untuk mengkaji adakah permasalahan dalam kalangan GPI ini masih berlarutan hingga kini. Hal ini kerana, segala permasalahan sebagaimana yang telah dibincangkan perlu ditangani dan mencari kaedah penyelesaian agar proses PdP lebih menarik dan ajaran Islam dapat diterapkan dalam diri individu pelajar Islam. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dikatakan berjaya apabila para pelajar dapat menerapkan nilai Islam dalam kehidupan seharian mereka.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini adalah berdasarkan beberapa objektif yang telah dikenal pasti bagi mengatur dan merancang gerak kerja yang teratur. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji beberapa aspek tertentu, iaitu:

- 1.4.1 meneroka bentuk pengamalan pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan dalam bilik darjah.
- 1.4.2 mengkaji elemen kualiti diri guru Pendidikan Islam menurut pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran.
- 1.4.3 mengkaji ciri motivasi intrinsik dan ekstrinsik guru Pendidikan Islam ketika proses pengajaran berkesan.
- 1.4.4 mengkaji sikap pelajar berkualiti ketika proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam
- 1.4.5 membina model pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam yang berkesan

## **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif, kajian ini ingin mencari jawapan terhadap persoalan berikut:

- 1.5.1 apakah bentuk amalan pengajaran dan pembelajaran berkesan yang diaplikasikan oleh guru Pendidikan Islam dalam bilik darjah?
- 1.5.2 apakah elemen-elemen yang membentuk kualiti diri guru Pendidikan Islam di sekolah?
- 1.5.3 apakah motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang menjadi penggerak kepada guru Pendidikan Islam di sekolah?
- 1.5.4 bagaimanakah sikap yang ditonjolkan oleh pelajar sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam?



**1.5.5** bagaimanakah bentuk model komponen pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam yang berkesan.

## **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada kajian berbentuk kualitatif melalui kaedah pengumpulan data dengan menggunakan kaedah temu bual sebagai data utama di samping pemerhatian dan analisis dokumen sebagai data sokongan. Bagi mencapai matlamat kajian, pengkaji hanya menjadikan guru-guru Pendidikan Islam di sekolah yang mencapai peratusan cemerlang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Seramai tujuh orang guru Pendidikan Islam (GPI) dari tujuh buah sekolah menengah. Daerah yang terlibat dalam kajian ini ialah daerah Johor Bahru dan Pontian. GPI yang dipilih adalah terbatas dan perlu menepati kriteria yang telah ditetapkan. Kriteria tersebut ialah, GPI yang mempunyai pengalaman mengajar selama 1 hingga 5 tahun, berpengalaman selama 5 hingga 10 tahun, berpengalaman selama 10 tahun ke atas, dan guru yang cemerlang Pendidikan Islam.

Selain dari batasan responden, pengkaji juga membuat batasan terhadap fokus kajian. Oleh itu, pengkaji hanya akan memberi penekanan kajian dari aspek pengamalan pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan ketika di dalam kelas, elemen kualiti diri GPI, motivasi intrinsik dan ekstrinsik GPI, dan sikap pelajar sewaktu sesi PdP Pendidikan Islam. Seterusnya, setelah pengkaji mendapat segala data yang dikehendaki dari GPI, pengkaji akan mencerap kembali data sebagaimana yang diperakui oleh pengetua, rakan guru, dan pelajar GPI.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharap agar dapat dijadikan sebagai salah satu garis panduan untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran serta aspek sampingan yang lain khusus kepada golongan GPI dan warga pendidik amnya sama ada di sektor persekolahan mahupun institusi pengajian tinggi. Penyelidikan ini bukan hanya memfokuskan kepada corak dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran GPI semata-mata, malah pengkaji turut mencungkil apakah faktor-faktor sampingan lain yang perlu ada dalam diri setiap GPI untuk menjadikan mereka lebih berkaliber dalam kerjaya mereka. Oleh yang demikian, dapatan kajian yang diperoleh ini dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam sektor pendidikan khususnya para guru dan pensyarah.

Secara dasar, kajian ini dapat membantu setiap GPI untuk bersedia dalam aspek penguasaan ilmu agama, ilmu pedagogi, kaunseling dan meningkatkan kemahiran agar dapat dijadikan sebagai role-model yang terbaik. Hal ini kerana, aspek-aspek tersebut adalah penting dalam mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah. Selain itu, seiring dengan zaman kemajuan teknologi hari ini setiap GPI perlu mengambil berat tentang isu-isu dan perkembangan semasa untuk dikaitkan dengan pengajaran. Pengkaji merasakan hal ini merupakan suatu perkara yang tidak boleh dipandang remeh kerana para pelajar pada hari ini mempunyai tahap pemikiran yang lebih tinggi.

Selain itu, kajian ini diharap dapat dijadikan panduan kepada para graduan pendidikan sama ada di institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta. Sebagai seorang bakal guru mereka perlu lebih bersedia untuk menggalas tugas dan tanggungjawab dalam mendidik anak bangsa yang kian mencabar. Oleh itu, di akhir kajian ini pengkaji akan memaparkan beberapa bentuk model yang dapat memberi impak positif dalam profesion pendidikan di Malaysia.. Justeru, pengkaji berharap agar model tersebut dapat digunakan dengan sebaik yang mungkin oleh pihak-pihak yang berautoriti tinggi seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) sebagai perisian dalam


slot atau kursus pemantapan bagi meningkatkan tahap profesionalisme keguruan dalam kalangan guru khususnya GPI itu sendiri.

## **1.8 Kerangka Teori Kajian**

Perbincangan tentang kerangka teori kajian dan kerangka konseptual kajian adalah sebagaimana berikut.

### **1.8.1 Kerangka Teori**

Satu kerangka teori kajian telah dibentuk bagi mengenal pasti beberapa faktor yang mendorong kepada pembentukan sebuah pengajaran dan pembelajaran berkesan. Kerangka teori ini dibina berdasarkan gabungan sifat keperibadian dan tingkah laku guru di dalam bilik darjah sewaktu berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menjadi ukuran asas dalam kecemerlangan guru Pendidikan Islam. Justeru, pengkaji memilih serta menggabungkan teori yang dibina oleh tokoh ilmuwan Islam dan barat, iaitu teori imam al-Ghazali (t.t), dan Dunkin & Biddle (1974), dan Maslow (1954). Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori kajian yang dibina.




**Rajah 1.1:** Kerangka Teori Kajian (al-Ghazali t.th., Dunkin & Biddle, 1974, dan Maslow 1954)

Berdasarkan elemen yang dinyatakan dalam kerangka teori ini, secara tidak langsung ia membantu pengkaji agar penyelidikan yang akan dijalankan kelak dapat dijalankan dengan lebih berfokus kerana pengkaji telah jelas terhadap objektif kajian yang ingin dicapai. Oleh itu, kerangka teori kajian ini secara tidak langsung menjadi *freme work* umum pengkaji kerana kajian ini juga tergolong dalam bentuk kajian kes atau lebih tepat, ia dikenali sebagai kajian pelbagai kes. Hasil kajian ini kelak diharapkan dapat dijadikan sebagai salah satu panduan kepada guru Pendidikan Islam khususnya dan guru-guru lain amnya untuk cemerlang bukan sahaja dalam PdP yang mereka laksanakan, bahkan juga cemerlang dari sudut sahsiah dan akhlak sebagai seorang pendidik yang dapat dijadikan sebagai *role-model* kepada para pelajar.

### 1.8.2 Kerangka Konseptual Kajian

Bagi memastikan kajian berjalan dengan lancar, pengkaji membina kerangka konseptual kajian kualitatif yang memfokuskan kepada lima elemen yang membantu kepada PdP berkesan GPI iaitu sifat keperibadian, motivasi, ilmu dan pengamalan Islam, pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta kemahiran dan kecekapan. Rajah 1.2 menunjukkan kelima-lima elemen yang diambil daripada teori al-Ghazali (t.th), Dunkin & Biddle (1974), dan Maslow (1954)



**Rajah 1.2:** Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 1.2 menunjukkan bentuk hubungan dan perkaitan antara kelima-lima aspek utama dalam kajian ini. Pengkaji akan mengupas bagaimana bentuk perhubungan GPI dengan pelajar, rakan guru, staf sokongan serta pihak sekolah di samping hubungan GPI dengan Allah. Hal ini menyentuh sifat dalaman GPI seperti keikhlasan, ketakwaan, dan *spiritual* GPI itu sendiri. Seterusnya, sifat yang berbentuk spiritual ini akan dilihat sama ada memberi kesan kepada tahap motivasi yang berbentuk intrinsik mahupun ekstrinsik kepada GPI. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang diterapkan oleh GPI turut diberi penekanan kerana persediaan awal yang dibuat akan menjadikan proses PdP lebih berkesan. Penekanan akan dilihat dari segi misi dan visi GPI, persediaan PdP, set induksi, pengurusan kelas, pelaksanaan PdP, apakah bentuk bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan, penilaian, dan penutup.

Selain itu, tahap ilmu dan pengamalan ilmu dilihat turut memberi kesan kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran GPI. Hal ini kerana, jika seseorang GPI itu memiliki ilmu serta kefahaman Islam yang luas secara tidak langsung dapat membantu menyampaikan ilmu-ilmu Islam, bukan hanya kepada pelajar di sekolah malahan kepada masyarakat awam di kawasan sekitar. Jika perkara seperti ini dapat dilakukan ia turut menjadi satu bonus kepada GPI kerana ia dapat memupuk kemahiran dalaman seperti kemahiran komunikasi, pengurusan masa, berbahasa, dan sebagainya. Justeru itu, perkaitan dan hubungan di antara kelima-lima aspek ini dapat menjadikan seseorang GPI itu menjadi cemerlang.

## **1.9 Definisi Istilah**

Definisi yang jelas terhadap penggunaan istilah dalam sesebuah kajian adalah penting bagi mengelakkan dari berlakunya kekeliruan atau salah faham. Hal ini juga secara tidak langsung membantu pengkaji dan pembaca untuk memahami kajian yang dibuat secara terperinci. Sehubungan dari itu, pengkaji turut menyatakan tentang definisi istilah yang di aplikasikan dalam kajian ini. Huraian adalah seperti berikut.

### **1.9.1 Komponen**

Menurut Mohd Aderi dan Rohani (2009) dan I. Sarimah *et al.* (2012) komponen dapat diertikan sebagai ciri atau kriteria yang tertentu. Jika dilihat dalam aspek perguruan komponen ialah ciri-ciri asas yang perlu ada dalam diri seorang guru seperti sikap personaliti (Ilhaamie & Wan Suryani, 2008), ilmu pengetahuan, pengetahuan tentang pedagogi kandungan, kemahiran, dan motivasi (Abd Halim *et al.*, 2012). Justeru itu, pengertian komponen dalam kajian ini bererti beberapa elemen tertentu yang membantu menjadikan P&P bagi seseorang GPI menjadi lebih berkesan. Elemen-elemen tersebut merangkumi aspek seperti keperibadian, kemahiran, motivasi, ilmu dan pengamalan, serta pelajar.

### **1.9.2 Pengajaran**

Pengertian pengajaran ialah suatu proses menyampaikan ilmu pengetahuan, maklumat, kemahiran, sikap, dan nilai yang baik kepada pelajar (Ee Ah Meng, 2005; Ishak, 2009). Menerusi pengajaran juga secara tidak langsung akan melibatkan interaksi antara guru dan murid (Yahya Azizi *et al.*, 2005). Oleh itu, pengajaran dapat diertikan sebagai suatu bentuk aktiviti atau tindakan yang praktikal dalam proses pemindahan ilmu pengetahuan samada secara langsung atau tidak langsung (Mohamad Zaid *et al.*, 2012). Justeru, pengajaran yang dimaksudkan dalam kajian ini memfokuskan kepada bagaimana bentuk amalan pengajaran guru Pendidikan Islam sebelum, semasa, dan selepas sesi pengajaran di sekolah.

### **1.9.3 Pembelajaran**

Pembelajaran ialah suatu proses perubahan tingkah laku yang tetap dan berlaku melalui pengalaman dan latihan peneguhan. Pembelajaran berlaku apabila rangsangan diproses oleh otak seseorang untuk dijadikan pengalaman (Ee Ah Meng, 2005).

Manakala, Mohd. Sharani (2004) pula mendefinisikan pembelajaran ialah proses yang dimulai dengan penanggapan rangsangan yang diterima oleh pancaindera. Setiap rangsangan itu diproses dan disimpan sebagai pengalaman dan seterusnya digunakan bagi mencapai matlamat dan penyelesaian masalah. Ishak (2009) pula menyatakan, pembelajaran ialah suatu proses mendapatkan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat, serta pembentukan sikap dan kepercayaan.

Menurut Mohamad Zaid *et al.* (2012), pembelajaran merupakan aktiviti yang dapat membawa kepada perubahan, pemindahan, dan penguasaan ilmu. Oleh itu, pembelajaran dalam kajian ini memfokuskan kepada sikap dan tingkah laku para pelajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam di sekolah-sekolah yang terpilih.

#### **1.9.4 Berkesan**

Berkesan bererti sesuatu yang memberi berhasil, berjaya, berfaedah, tercapai, berpengaruh, dan efektif (Mashitah *et al.*, 2005). Oleh yang demikian, pengkaji merumuskan istilah berkesan dalam kajian ini bermaksud matlamat akhir yang dapat dicapai oleh GPI kesan daripada PdP Pendidikan Islam di dalam kelas apabila wujud perubahan tingkah laku, adab dan sahsiah pelajar ke arah yang lebih baik serta dapat menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian mereka.

#### **1.9.5 Guru Pendidikan Islam**

Definisi guru menurut Abd. Halim dan Mohamad Khairul Azman (2010) ialah golongan yang berperanan untuk mendidik dan berusaha bagi mengembangkan seluruh potensi murid sama ada dari aspek psikomotor, kognitif, mahupun afektif. Jika dilihat dari perspektif Pendidikan Islam itu sendiri, setiap GPI perlu bersifat ruhiyyah berbanding guru yang mengajar subjek lain. Habibah @ Artini dan Zaharah (2014)



berpandangan bahawa GPI adalah golongan individu yang berperanan penting dalam pembentukan rohani atau dalaman pelajar.

Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) berpandangan GPI berperanan sebagai seorang mudarris, mu'allim, mu'addib, murabbi, dan mursyid. I. Abdullah (1995) menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam adalah golongan insan yang terpilih kerana mereka akan menyampaikan segala ilmu yang berkaitan dengan Islam melalui kaedah yang bersesuaian agar penyampaian ilmu tersebut dapat difahami dan seterusnya dihayati dan diaplikasikan oleh para pelajar. Profesion ini merupakan tugas yang paling utama jika dibandingkan dengan profesion yang lain kerana sekiranya seseorang guru ikhlas dalam setiap pekerjaannya demi kepentingan agama, ia menjadi suatu bentuk ibadah dan jihad yang paling mulia di sisi Allah SWT (Fathiyah *et al.*, 2013).

Oleh yang demikian pengkaji berpendapat guru pendidikan Islam ialah orang yang mengajar tentang ajaran-ajaran Islam kepada insan lain sama ada secara formal mahupun tidak formal. Sehubungan dari itu, dalam kajian ini pengkaji hanya akan memfokuskan kepada guru yang mengajar subjek Pendidikan Islam secara formal di sekolah-sekolah menengah rendah khusus di negeri Johor Darul Takzim.

### **1.9.6 Sekolah Menengah Rendah**

Sekolah menengah ialah salah satu cabang dari sistem persekolahan yang wujud di Malaysia. Sebagaimana yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1996, sekolah menengah bererti sekolah yang menyediakan pendidikan menengah yang bersesuaian untuk murid yang baru sahaja menamatkan pendidikan rendah. Kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM) menjadi dasar utama dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1989 (Norman Affendi, 2008). Menurut Ee Ah Meng (2003) sekolah menengah dibina adalah bertujuan bagi membantu perkembangan pelajar secara menyeluruh iaitu dengan memberi ilmu pengetahuan, celik akal, kemahiran-kemahiran insaniah, di samping memupuk nilai yang berasaskan Falsafah Pendidikan Negara. Di samping itu juga melalui para pelajar turut diberi penekanan berdasarkan Falsafah Pendidikan

Islam (FPI) yang memberi pengukuhan akidah, pemahaman tentang cara hidup berlandaskan ajaran Islam, serta pembentukan akhlak dan budi pekerti yang mulia dalam diri pelajar Islam (Ahmad, 2000).

Tahap usia bagi pelajar yang ditempatkan di sekolah menengah ialah dalam lingkungan 13 hingga 19 tahun. Bagi setiap pelajar yang bersekolah di sekolah menengah harian biasa, mereka dikehendaki untuk menduduki beberapa siri ujian bagi mengukur tahap penguasaan ilmu yang mereka peroleh secara berperingkat iaitu peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Namun begitu, bagi sekolah menengah yang beraliran agama, terdapat pertambahan penilaian yang perlu mereka duduki bagi mengukur sejauh mana penguasaan mereka dalam ilmu yang disampaikan. Oleh itu, di samping perlu mengambil peperiksaan umum yang ditetapkan sebagaimana di atas, para pelajar bagi sekolah aliran agama akan menduduki peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Justeru, dalam kajian ini sekolah menengah rendah membawa maksud, kajian hanya difokuskan kepada guru Pendidikan Islam yang hanya mengajar para pelajar di tingkatan satu, dua, dan tiga.

## **1.10 Penutup**

Kesimpulannya, di dalam bab ini pengkaji membicarakan hal yang berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, kerangka teori kajian dan definisi istilah yang digunakan dalam menyempurnakan kajian ilmiah ini.

## RUJUKAN

- Ab Halim, Tamuri, dan Mohd Aderi, Che Noh. (2012, 1-2 Jun). *Faktor sosial dan penghayatan Islam dalam kalangan murid-murid sekolah menengah di Malaysia*. Paper presented at the International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012, Mekah, Arab Saudi.
- Ab. Halim, Mohamad. (2005, 25-26 Jun 2005). *Kelayakan Guru Bahasa Arab dalam Pengajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Kes*. Paper presented at the Wacana Pendidikan Islam, Mahkota Century, Melaka.
- Ab. Muhsein, Sulaiman. (2014). *Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Akhlak Murid Dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib Al-Makki (W.386h/996m)*. (Ijazah Doktor Falsafah), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ab.Halim, Tamuri , dan Mohamad Khairul, Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 43-56.
- Abd Halim, Tamuri, Muhamad Faiz, Ismail, dan Kamarul Azmi, Jasmi. (2012). Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam [Basic Components for Islamic Education Teacher Training]. *Global Journal al-Thaqafah*, 2(2), 53-63.
- Abd. Halim, Tamuri. (2013). *Ke Arah Memperkasa Tamadun Islam Melalui Pendidikan*. Paper presented at the Seminar Pertama Pendidikan dan

Penyelidikan Islam, Universiti Teknologi Malaysia dan Persatuan Cendekiawan Islam Malaysia.

- Abd. Halim, Tamuri, Adnan, Yusopp, dan Kamisah, Osman. (2004). Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke Atas Pembangunan Diri Pelajar. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd. Halim, Tamuri, dan Mohamad Khairul, Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Abd. Halim, Tamuri, dan Mohamad Khairul Azman, Ajuhary (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu 'allim. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Abd. Halim, Tamuri, Shahrin, Awaluddin, dan Tajul Ariffin, Nordin. (2003). Fungsi Surau dan Keberkesanannya dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di sekolah-sekolah Menengah Negeri Selangor. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Ghani, Kanesan Abdullah, Al-Amin, Mydin, dan Aziah, Ismail (2010). Pembangunan Kerohanian di Tempat Kerja. *Educators Digest (Diges Pendidik)*, 10(2), 14-20.
- Abdul Jamir, Md Saad, Ab Halim, Tamuri, dan A'dawiyah, Ismail. (2012). Pembelajaran Aktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Pendidikan Islam. *Jurnal IPG Kampus Pendidikan Islam*, 1-22.
- Abdul Kareem Bakkar. (2001). *Haul al-Tarbiyah wa al-Ta'lim*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Abdul Muhsien, Sulaiman. (2014). *Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pembetulan Akhlak Murid dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib Al-Makki (w.386H/996M)*. (Doktor Falsafah), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdul Rasid, Jamian, Nurul Nadiah, Razali, dan Shamsudin, Othman. (2015). Keupayaan Guru Pelatih Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Semasa Latihan Mengajar dalam Pembentukan Guru Novis. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(1), 75-81.
- Abdul Razak, Ahmad Zabidi. (2006). Ciri Iklim Sekolah Berkesan: Implikasi Terhadap Motivasi Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Islam*, 31: , 3-19.

- Abdull Sukor, Shaari, Nurahimah, Mohd Yusoff, Mohd Izam, Ghazali, dan Rafisah, Osman. (2012). *Hubungan Antara Gaya Pengajaran Pensyarah Dengan Penglibatan Akademik Pelajar Universiti*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA, The Zon Regency by The Sea Johor Bahru.
- Abdullah, Abd. Ghani, dan Ngang, Tan Keow. (2006). Motivasi Guru dan Pengurusan Budaya Kolaboratif Pengurus Pendidikan Wanita. *Jurnal Pendidikan Islam*, 31, 97-105.
- Abdullah, Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, Muhammad (Terj. M. Abdul Ghoffar). (1994a). *Tafsir Ibnu Kathir (Lubaabut Tafsir Min Ibni Katsiir)* (Vol. 3). Cairo, Mesir: Muassasah Daar al-Hilaal
- Abdullah, Muhammad (Terj. M. Abdul Ghoffar). (1994b). *Tafsir Ibnu Katsiir (Lubaabut Tafsir Min Ibni Katsiir)* (Vol. 6). Cairo, Mesir: Mu-assasah Daar al-Hilaal.
- Abdullah Nashih Ulwan, Terj. Saifullah Kamalie Lc & Hery Neor Ali. (1996). *Pedoman Pendidikan Anak dalam Islam*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud (al-Arna'ut Shu'aib & Muhammad Kamil Qurrah Balali Eds. Vol. 1-7)*. Beirut: Dar al-Risalah al- 'Alamiyyah.
- Abu Zarrin, Selamat. (2013). *Kepentingan agama dalam pendidikan: relevensi di antara kursus tamadun islam dan falsafah pendidikan kebangsaan*. Paper presented at the Seminar Pendidikan dan penyelidikan Islam Peringkat Kebangsaan: Ke arah Pembangunan Semula Tamadun Islam Melalui Pendidikan, Fakulti Tamadun Islam, UTM Skudai.
- ADS1. (2012). Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan GPI. In Nazirah Hamdan (Ed.), (pp. 1-3). Surau S1.
- ADS2. (2012). Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan GPI. In Nazirah Hamdan (Ed.), (pp. 1-6). Surau S2.
- ADS3. (2012). Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan GPI. In Nazirah Hamdan (Ed.), (pp. 1-3). Makmal Komputer S3.
- ADS4. (2014). Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan GPI. In Nazirah Hamdan (Ed.), (pp. 1-4). Bilik Kaunseling S4.

- ADS5. (2014). Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan GPI. In Nazirah Hamdan (Ed.), (pp. 1-5). Surau Al-Hikmah S5.
- ADS7. (2014). Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan GPI. In Nazirah Hamdan (Ed.), (pp. 1-6). Surau S7.
- Affizal, Ahmad. (2008). Kepentingan Pendidikan dalam Pembentukan Kualiti Hidup Sejahtera. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 2.
- Affizal, Ahmad, dan Rafidah, Sahak. (2009). Teacher-student attachment and teachers' Attitudes towards work. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24(55-72).
- Ahmad Firdaus, Mohd Noor, Kamarul Azmi, Jasmi, dan Khairunnisa, A.Shukor. (2014). Elemen Kemahiran Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam di Politeknik Premier: Satu Kajian Rintis. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 96-106.
- Ahmad Johari, Sihes. (2008). Konsepsi peengajaran dalam pendidikan tinggi. In Sihes Ahmad Johari, Mohd. Yusof Sanitah & Sidin Zaitun (Eds.), *Inovasi Pengajaran dan Kurikulum Pengajian Tinggi* (pp. 10-37). Skudai, Johor: UTM Press.
- Ahmad, Mohd Salleh. (2000). *Pendidikan Islam; Falsafah, Pedagogi, dan Metodologi*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ahmad Tarmizi, Abu Bakar, dan Ab. Halim, Tamuri. (2013). Guru Pendidikan Islam (GPI) Sebagai Pendidik dan Daie Sepanjang Zaman: Satu Analisis (pp. 371-384): Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Yunus, Kasim, dan Ab Halim, Tamuri. (2010). Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) pengajaran akidah: Kajian kes guru cemerlang pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 13-30.
- Ahmad Yunus, Kasim, dan Ab. Halim, Tamuri. (2010). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 13-30.
- Ahmad Zabidi, Abdul Razak. (2006). Ciri iklim sekolah berkesan: Implikasinya terhadap motivasi pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 31, 3-19.
- Ahmad Zamri, Khairani, Nordin, Ab. Razak, dan Mohammad Zohir, Ahmad@Shaari. (2010). Tugas dan Tanggungjawab Guru Pembimbing dari Perspektif Guru Pelatih. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 10.

- Aishah, P Othman, dan Latifah, Abdul Majid. (2013). Penglibatan Remaja terhadap Horoskop dan Kesannya terhadap Akidah. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 35(2), 77 - 82.
- Ajmain, @Jimaain Safar, dan Abd. Halim, Tamuri. (2011). *Tahap penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menurut pentaksiran rakan sebaya*. Paper presented at the 2nd International Conference on Islamic Education, Equatorial Hotel, Bangi, Selangor.
- al-Abrasy, Mohammad 'Atiyah. (1974). *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam* (Terj. Bustami A. Ghani dan Djohar Bahry). Jakarta: Bulan Bintang.
- al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad. (t.t.). *Ihya' 'Ulum al-Din* (al-Hafiz al-'Iraqi Ed.). T.T.P.: T.P.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (Terj. Tim Mumtaz). (2008). *Bidayatul Hidayah; Kitab Panduan Lengkap Beribadah dan Bermuamalah*. Jakarta: Penerbit Himmah.
- al-Husain, Abu Muslim (t.t.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Maghribi, as-Said al-Maghribi Terj. Zainal Abidin, Lc. (2004). *Begini Seharusnya Mendidik Anak Panduan Mendidik Anak Sejak Masa Kandungan Hingga Dewasa*. Jakarta: Darul Haq.
- al-Qardhawi, Yusuf. (1980). *Pendidikan Islam dan Madrasah Hasan al-Banna*. Terj. Bustami A. Gani & Zainal Abidin Ahmad. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Al-Quran al-Karim*.
- al-Syaibani, Umar Muhammad al-Toumi. (1975). *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Libya: al-Mansya'ah al-Sya'biyyah Li al-nasyr wa al-tauzi' wa i'lan.
- al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. (1975). *Sunan al-Tarmidhi* (Ahmad Muhammad Shakir, Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi & Ibrahim 'Utwat Eds. Vol. 1-5). Mesr: Shirkat Maktabat wa Matba 'at Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Alias, Mat Saad, Nik Mohd Rahimi, Nik Yusoff, dan Ruhizan, Mohammad Yassin. (2010, 3-4 November). *Persepsi Pelajar dan pensyarah pendidikan Islam politeknik kementerian pengajian tinggi malaysia*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Transformasi Pendidikan Teknikal MyTEDT'10, Hotel Emerald Puteri, Sungai Petani, Kedah.
- Alice, Tjandralila Rahardja. (2004). Hubungan Antara Komunikasi Antar Pribadi Guru dan Motivasi Kerja Guru dengan Kinerja Guru SMUK BPK PENABUR Jakarta. *Jurnal Pendidikan Penabur*, 3(3).



- Aliza, Ali, dan Zamri, Mahamod. (2015). Analisis Keperluan Terhadap Pengguna Sasaran Modul Pendekatan Berasaskan Bermain Bagi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Kanak-kanak Prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1).
- Amani Jarrar, dan Aseel Shawareb. (2013). Factors Affecting Teachers' Excellence from the Perspective of Queen Rania Award -Winning Teachers: (A Jordanian Case) *Journal of Education and Practice*, 4(8), 71-81.
- Amla, Salleh, Zuria, Mahmud, Salleh, Amat, Sharifah Nor, Puteh, Isa, Hamzah, dan Aini, Abu Bakar. (2014, 9-10 April ). *Kajian Kesahan Dan Kebolehppercayaan Instrumen Nilai*. Paper presented at the Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014)
- Amnah Zanariah, Abd Razak, dan Norzaini, Azman. (2012). Stail Berfikir dan Stail Pembelajaran Pelajar Jururawat: Satu Kajian Kes di Kolej Jururawat Murni. *ATJLHE*, 4(1), 14-31.
- an-Nashmy, Ajil Jasim. (1980). *Ma'lim fit-tarbiah*. Kuwait: Maktabah al-Manar.
- Aniza, Ahmad, dan Zamri, Mohamod. (2015). Tahap Kemahiran guru bahasa melayu sekolah menengah dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah berdasarkan jantina, opsyen, dan tempat mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu - JPBM*, 5(1), 18-29.
- Anuar, Ahmad, dan Jingga, Nelson. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-11.
- Arnon, S. (2009). Closed and Open-Ended Question Tools in a Telephone Survey About "The Good Teacher". *Journal of Mixed Methods Research*, 3(2), 172-196.
- Ary, Donald, Jacobs, Lucy Cheser, dan Razavieh, Asghar. (2002). *Introduction to research in education* (6th ed.). U.S.A: Wadsworth.
- Ashatu, Hussein. (2009). The Use of Triangulation in Social Sciences Research: Can Qualitative and Quantitative Methods Be Combined? *Journal of Comparative Social Work*, 1.
- Asmawati, Suhid, Mohd Rezduan, Mat Jurit, Fathiyah, Mohd. Fakhruddin, Abd Muhsin, Ahmad, dan Mohd Aderi, Che Noh. (2014). Personaliti Pendidik yang Ideal: Apa Kata Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah*, 1(1), 1-8.

- Asmawati, Suhid, Mohd. Rezduan, Mat Jurit, Fathiyah, Mohd. Fakhrudin, Abd. Muhsin, Ahmad, dan Mohd Aderi, Che Noh. (2014). Personaliti Pendidik Yang Ideal: Apa Kata Pelajar di Institut Pengajian Tinggi? *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah*, 1(1), 1-8.
- Atkinson, J.W. (1964). *An Introduction to Motivation*. Princeton NJ: Van Nostrand.
- Azhar, Muhammad, Kamarul Azmi, Jasmi, Mohd Ismail, Mustari, Saliha, Sackkani, dan Fauziah, Ali. (2012, 8-9 Mac 2012). *Kemahiran Bertutur Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Paper presented at the Pengajaran dan Pembelajaran Realistik dalam Pendidikan Islam Penerokaan Terhadap Kandungan dan Kaedah, Le Grandeur Palm Resort, Senai Johor Bahru.
- Azhar, Muhammad, Kamarul Azmi, Jasmi, Mohd Ismail, Mustari, Salina, Sackkani, dan Fauziah, Ali. (2012). *Kemahiran bertutur dalam pengajaran san pembelajaran bahasa Arab*. Paper presented at the Seminar antarabangsa perguruan dan pendidikan Islam: pengajaran dan pembelajaran realistik dalam pendidikan Islam penerokaan terhadap kandungan dan kaedah, Le Grandeur Palm Resort Senai Johor.
- Azimi, Hamzah, Jamiah, Manap, Sidek, Mohd Noah , Hasnan, Kasan, Turiman, Suandi, Khairul Anwar, Mastor, . . . Azma, Mahmood. (2005). *Kaedah Pembinaan Alat Ukuran Psikometrik Pendidikan Islam*. Paper presented at the Pendidikan Islam ke Arah Kemanusiaan Sejagat, Mahkota Century, Melaka.
- Azimi, Hamzah, Jamiah, Manap, Sidek, Mohd Noah, Hasnan, Kasan, Turiman, Suandi, Khairul Anwar, Mastor, . . . Azma, Mahmood. (2005). *Kaedah pembinaan alat ukuran psikometrik pendidikan islam*. Paper presented at the Wacana Pendidikan Islam: Pendidikan Islam ke arah Kemanusiaan Sejagat, Mahkota Century, Melaka.
- Azizi, Yahaya, Rosnani, Mohd Nor, Sharifuddin, Ismail, dan Amir Hamzah, Abdul. (2010). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru mata pelajaran teknikal. *E-Prints UTM*, 1-12.
- Azizi, Yahaya, Shahrin, Hashim, Jamaludin, Ramli , Yusof, Boon, dan Abd. Rahim, Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Azizi, Yahya, Asmah, Suboh, Zurihanmi, Zakariya, dan Fawziyah, Yahaya. ( 2005). *Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Professional Publishing.

- Azmil, Hashim, dan Misnan, Jemali. (2015). Kajian Mengenai Hubungan antara Teknik Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan Al Qur'an Para Pelajar. *Jurnal Perspektif*, 6(2), 15-25.
- Badlihisam, Mohd Nasir. (2010). Pendidikan dalam Gerakan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 1-12.
- Baharin, Abu, dan Suzana, Mamat @ Muhammad. (2010). Pengetahuan Etika Profesion Perguruan Dalam Kalangan Guru Pelatih 4SPH Fakulti Pendidikan UTM. *Jurnal Teknologi*(September), 1-6.
- Baharom, Mohamad, Ali, Suradin, dan Za'aba Helmi, Khamisan. (2008). *Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti*. Paper presented at the Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan, Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.
- Bahroini, Basiron @ Badron, dan Aminuddin, Ruskam. (2012). *pendekatan pengajaran dan pembelajaran bidang akidah dalam Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan untuk menangani masalah murtad*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam Pengajaran dan Pembelajaran Realistik dalam Pendidikan Islam Penerokaan Terhadap Kandungan & Kaedah, Le Grandeur Palm Resort. Senai, Johor Bahru.
- Bani Hidayat, Mohd Shafie, Norhayati Fatmi, Talib, Hajarul Bahti, Zakaria, Nabiroh, Kassim, dan Ab Halim, Tamuri. (2010). *Penerapan Elemen-elemen Ergonomik di Persekitaran Surau Sekolah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah*. Paper presented at the The 4th International Conference on Teacher Education, Bandung, Indonesia.
- Charlie, Anak Ungang. (2008). Penggunaan bahan bantu mengajar dalam kemahiran asas membaca di kelas pemulihan: Kajian kes di lima buah sekolah daerah Serian. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 8, 80-96.
- Che Noraini, Hashim. (2005, 25-26 Jun 2005). *Keruntuhan Akhlak dan Pembangunan Remaja Masa Kini: Cabaran Pendidikan Islam di Malaysia*. Paper presented at the Pendidikan Islam ke Arah Kemanusiaan Sejangat, Mahkota Century, Melaka.
- Che Zanariah, Che Hassan, dan Fadzilah, Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1, 67-87.

- Cohen, L, Manion, L, dan Marrison, K. (2002). *Research methods in education* (Vol. 5th ed.). New York: Routledge Falmer.
- Dunkin, M. J., dan Biddle, B. J. . (1974). *The Study of Teaching*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Dusuki, Ahmad. (1975). *Ikhtisar Perkembangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee Ah Meng. (1996). *Pendidikan di Malaysia 1 Falsafah Pendidikan, Guru dan Sekolah*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Ee Ah Meng. (2003). *Ilmu pendidikan pengetahuan dan ketrampilan ikhtisas*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Ee Ah Meng. (2005). *Penilaian Tahap Kecekapan Kompetensi Khusus (Fungsi) Pengurusan P&P (Kertas 701/02)*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ernita Dewi. (2011). Akhlak dan Kebahagiaan Hidup Ibnu Maskawaih. *Jurnal Substantia*, 13(9), 257-266.
- Esah, Sulaiman. (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Fadzilla, Mustaffa Johari, Parilah, Mohd Shah, dan Fauziah, Ahmad. (2007, 13-14 Februari). *Sikap dan Motivasi Pelajar Tingkatan Satu dalam Mempelajari Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (L2): Satu Kajian Kes di Negeri Sembilan*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara Ketiga, Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, Bangi Selangor.
- Faizah, Abd. Ghani. (2013). Profil personaliti dalam kalangan pensyarah UTM yang cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan penilaian pengajaran pensyarah. *Sains Humanika*, 60, 49-56.
- Falcinelli, Floriana, dan Laici, Chiara. (2011). *ICT in classroom: a new teaching and learning strategy*. Paper presented at the EdMedia: World Conference on Educational Media and Technology 2011, Lisbon, Portugal. <http://www.editlib.org/p/38371>
- Fathi Ali Yunus, Mahmud Abduh Ahmad, dan Mustafa Abdullah Ibrahim. (1999). *al-Tarbiyah al-Diniyyah al-Islamiyyah Baina al-Asoliyah wa al-Muasiroh* Kaherah: Alimu al-Kitab.
- Fathiyah, Mohd. Fakhrudin, Nor Hayati, Alwi, Azimi, Hamzah, dan Lukman, Abd. Mutalib. (2013). Pemahaman dan pengalaman guru pendidikan islam

- menerapkan elemen amalan dalam pengajaran. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 1-16.
- Gamal Abdul, Nasir Zakaria. (2003). *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn.Bhd.
- Gay, L.R., Mills, G.E., dan Airasian, P. (2009). *Educational Research Competencies for Analysis and Applications* (Ninth Edition ed.). United States of America: Pearson Education.
- Gokce, Feyyat. (2010). Assessment of Teacher Motivation. *School Leadership and Management*, 30(5), 487-499.
- Gourneau, B. . (2005). Five Attitudes of Effective Teachers: Implications for Teacher Training. from [www.usca.edu/essays/vol132005/gourneau.pdf](http://www.usca.edu/essays/vol132005/gourneau.pdf)
- GPIS1. (2012). Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan GPI. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-14). Surau S1.
- GPIS2. (2012). Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan GPI. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-34). Surau S2.
- GPIS3. (2012). Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan GPI. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-60). Perpustakaan S3.
- GPIS4. (2014). Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan GPI. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-16). Bilik Kaunseling S4.
- GPIS5. (2014). Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan GPI. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-19). Surau Al-Hikmah S5.
- GPIS6. (2014). Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan GPI. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-17). Bilik Kaunseling S5.
- GPIS7. (2014). Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan GPI. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-23). Surau S7.
- Habibah @ Artini, Ramlie, dan Zaharah, Husin. (2014). Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam Berasaskan Riadhah Ruhhiyyah: Satu Analisa Keperluan. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(1), 7-24.
- Habibah, Mat Rejab. (2016). *Amalan Pentaksiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran Insya' Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)*. (Doktor Falsafah), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hailan, Salamun, dan Rifishah, Rashid. (2012). *Kepimpinan Guru Pendidikan Islam Di Sekolah*. Paper presented at the Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG.

- Halimah, Harun. (2006). Minat, motivasi dan kemahiran mengajar guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 31, 83-96.
- Hamdan, Abd. Kadir, Hanipah, Hussin, dan Mohamad, Saprin. (2004). *Teknik Mengajar Dewasa Panduan untuk Jurulatih*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hamdi, Ishak. (2012). *Model-model pengajaran dan pembelajaran: satu cadangan pengajaran pendidikan islam kepada murid bermasalah pendengaran*. Paper presented at the International Conference on Research in Islamic and Arabic Language, Elaf Kinda Crescent Hotel, Mekah Arab Saudi.
- Hamdi, Ishak, Ab. Halim, Tamuri, Rosadah, Abd. Majid, dan Safani, Bari. (2012). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 11-24.
- Haslina, Hamzah, Shahidan, Ahmad, Zetty Nurzuliana, Rashed, Mohamad Fuad, Ishak, dan Sapie, Sabilan. (2011). *Pelaksanaan latihan mengajar guru-guru pelatih diploma perguruan pendidikan islam separuh masa dan sepenuh masa fakulti pendidikan kolej universiti islam antarabangsa selangor: satu tinjauan awal*. Paper presented at the 2nd International Conderence on Islamic Education (ICIEd 2011), Equatorial Hotel, Bangi-Putrajaya, Selangor.
- Hassan Al-Banna, Mohamed, Ab. Mumin, Ab. Ghani, dan Siri Arni, Basir. (2015). Faktor-faktor Kejayaan dalam Pelaksanaan MS 1900:2005: Satu Kajian Kualitatif di Institusi Pengajian Tinggi Swasta, Malaysia. *Sains Humanika*, 4(1), 29-36.
- Hassan, Langgulong. (2003). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka Al-Husna Baru.
- Hildebrandt, S.A, dan Eom, M. (2011). Teacher Professionalization: Motivational Factors and The Influence of Age. *Teaching and Teacher Education*, 27, 416-423.
- Husain, S.S, dan Ashraf, S.A. . (1989). *Krisis dalam Pendidikan Islam, Terj. Maso'od Abdul Rashid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ibn Majah, Abu Abdullah Muhammad. (2009). *Sunan Ibn Majah (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali & 'Abd al-Latif Hirzullah Eds. Vol. 1-5)*. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

- Ibrahim, Taib, dan Marzuki, Ngah. (2011). *Kualiti Guru Permulaan : Pendekatan Model Persamaan Struktural*. Paper presented at the Seminar Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA 2011.
- Ilhaamie, Abdul Ghani Azmi, dan Wan Suryani, Wan Ahmad. (2008). Pengaruh sikap dan demografi ke atas produktiviti kerja pensyarah muslim: kajian di universiti malaya. *Jurnal Syariah*, 16(2), 321-344.
- Ishak, Baba. (2009). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan kaitannya terhadap prestasi akademik pelajar UTHM. Batu Pahat: Universiti Tun Hussin Onn Malaysia.
- Ismail, Abas. (2007). Peranan guru membina murid menghadapi cabaran wawasan 2020. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Institusi Perguruan Islam, Selangor* 10, 82-89.
- Ismail Sabri, Norihan, Rohana, Hamzah, dan Amirmudin, Udin. (2011). Kemantapan Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Teras Kemenjadian Guru Pendidikan Teknik Dan Vokasional. *Journal of Edupres*, 1(September), 357-363.
- Jamal Safri, Saibon, Faridah, Karim, dan Zuria, Mahmud. (2010). Sifat Maskulin dan Tingkah Laku Membuli. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 77-82.
- James, Ang Jit. (2014). *Pengurusan Bilik Darjah Strategi-strategi Mewujudkan Komunikasi Pembelajaran Berkesan*. Selangor: PTS Akademis.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd. Ismail, dan Mohamed, Ahmad Kilani. (2004). *Pendidikan Akhlak kepada Allah S.W.T.: Nadi Penggerak Pembangunan Insan*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi.
- Johari, Surif, Nor Hasniza, Ibrahim, dan Rohaya, Abu Hassan. (2014). Tahap Amalan dan Pengintegrasian ICT dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sains. *Sains Humanika*, 2(4), 13-18.
- Julismah, Jani, Boon, Ong Kuan, Mohd Sani, Madon, Hishamuddin, Ahmad, Nur Haziyanti, Mohd Khalid, dan Yusof, Ahmad. (2009). Pendekatan Pengajaran, Gaya Belajar dan Jenis Penilaian dalam Mata Pelajaran Sains Sukan di Sekolah Menengah *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 81-91.
- Junnaina, Husin Chua, dan Hazri, Jamil. (2012). Factors Influencing the Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK) among TVET

instructors in Malaysian TVET Institution. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 69, 1539-1547.

Kamarudin, Husin. (1997). *Psikologi bilik darjah. Asas Pedagogi*. Cheras: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Kamarul Azmi, Jasmi. (2010a). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Retrieved from <http://dms.library.utm.my:8080/vital/access/manager/Repository/vital:67877>

Kamarul Azmi, Jasmi. (2010b). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (Doktor Falsafah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Kamarul Azmi, Jasmi, Ab Halim, Tamuri, dan Mohd Izham, Mohd Hamzah (2009). Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar. *Sains Humanika*, 51(1).

Kamarul Azmi, Jasmi, dan Ab. Halim, Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Kamarul Azmi, Jasmi, Ab. Halim, Tamuri, dan Mohd Izham, Mohd Hamzah. (2009a). Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51 (E), 57-71.

Kamarul Azmi, Jasmi, Ab. Halim, Tamuri, dan Mohd Izham, Mohd Hamzah. (2009b). *Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Menengah Kepada Allah S.W.T. Satu Kajian Kes*. Paper presented at the World Conference On Muslim Education, Blue Wave Hotel Shah Alam, Malaysia.

Kamarul Azmi, Jasmi, Ab. Halim, Tamuri, dan Mohd Izham, Mohd Hamzah. (2011). Penerapan Matlamat Pendidikan Islam oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes di beberapa buah Sekolah Menengah di Malaysia. *Sains Humanika*, 55(1).

Kamarul Azmi, Jasmi, dan Ab.Halim, Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Kamarul Azmi, Jasmi, Ab.Halim, Tamuri, dan Mohd Izham, Mohd Hamzah (2009). Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51(E), 57-71.



- Kamarul Azmi, Jasmi, Kamaluddin, Abd. Rahman, Azhar, Muhammad, Mohd Ismail, Mustari, Muhamad Faiz, Ismail, Rahmah, Razali, dan Shamsiah, Mohamed. (2012, 8-9 March 2012). *Pembinaan Hubungan Baik antara Guru dengan Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012], Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Kamarul Azmi, Jasmi, Mohd Faez, Ilias, Ab. Halim, Tamuri, dan Mohd Izham, Mohd Hamzah. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3 (1), 59-74.
- Kamarul Azmi, Jasmi, Nur Syazwani, Mohd Hanafiah, Ab Halim, Tamuri, dan Mohd Izham, Mohd Hamzah. (2011). *Faktor motivasi intrinsik dalam kecemerlangan guru cemerlang pendidikan islam dan guru di sekolah menengah: satu kajian kes*. Paper presented at the 2nd Selangor International Conference on Islamic Education 2011, Equatorial Hotel, Bangi Selangor.
- Kamarul Azmi, Jasmi, Siti Hanim, Naim, dan Hilman, Muhamad. (2012, 8-9 March 2012). *Kaedah Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam (Assessment of Teaching and Learning in Islamic Education)*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
